



MUSIM
Musim Panas Jun - Oktober
Musim Sejuk November - Mac

MATAWANG
Russian Ruble 1 RUB = RM0.061
Swedish Krona 1 kr = RM0.46
Danish Krone 1 Kr. = RM0.63
Euro 1 € = RM4.78

PERBEZAAN WAKTU
Russia : -5 JAM

HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
MOSCOW	2	Hotel Park Inn by Radison / setaraf
ST PETERSBURG	1	Holiday Crowne Plaza / setaraf
HELSINKI	1	Holiday Inn Helsinki West / setaraf
HELSINKI - STOCKHOLM	1	Silja Line Cruise
STOCKHOLM	1	Hotel Clarion Stockholm / setaraf
OSLO	1	Hotel Thon Oslo / setaraf
OSLO - COPENHAGEN	1	DFDS Ferry
COPENHAGEN	1	Hotel First Mayfair / setaraf



HARI 1
KUALA LUMPUR - DOHA

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk penerbangan ke **Moscow** melalui Doha.

HARI 2
DOHA - MOSCOW

Setibanya di Lapangan Terbang Moscow, tetamu akan dibawa melawat ke **Moscow Kremlin** yang merupakan kompleks kota pemerintahan kerajaan Russia berusia ratusan tahun sejak 1482 yang masih aktif sehingga kini di era Presiden Vladimir Putin. Di dalam kompleks ini, tetamu akan dibawa melawat binaan-binaan yang penting seperti menara pintu masuk **Spasskaya Tower** yang dibina pada tahun 1491 setinggi 71m, **Ivan the Great Bell Tower** setinggi 81m yang sepatutnya menempatkan loceng tembaga gergasi **Tsar Bell** seberat 202kg namun gagal kerana terlampau berat, **Tsar Cannon** yang merupakan sebuah meriam gergasi, **Grand Kremlin Palace** yang merupakan kediaman rasmi Presiden Russia dan banyak lagi tarikan lain. Tarikan yang paling menarik sekali tentulah lawatan ke dalam gedung **Armoury Chamber** yang mempamerkan pelbagai koleksi Tsar-Tsar Russia seperti pakaian, persembajaan, barangan kemas dan juga kereta-kereta kuda rekaan mewah tak ubah seperti kereta kuda dinaiki Cinderella. Usai lawatan, tetamu akan dibawa untuk makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 3
MOSCOW

Sarapan pagi di hotel. Kemudian tetamu akan dibawa melawat tarikan-tarikan di sekitar kota **Moscow** yang serba gah ini. Antaranya ialah **Sparrow Hills** di mana selain tetamu berpeluang mengambil gambar panorama kota ini yang cukup indah dari atas bukit, tetamu juga boleh berfoto di hadapan bangunan **Moscow State University** di mana pernah menjadi bangunan tertinggi di benua Eropah. Seterusnya tetamu dibawa melewati **Victory Park** yang dibina sebagai tanda kejayaan The Red Army menewaskan tentera Nazi dan dibina di dalam taman ini setiap jenis rumah ibadat utama termasuklah sebuah masjid bernama **Memorial Mosque** sebagai tanda terima kasih kepada tentera mereka yang beragama Islam. Menunaikan solat di salah sebuah masjid yang terbesar di Eropah iaitu **Moscow Cathedral Mosque** yang cukup indah hasil binaannya di atas tapak asal masjid sejak tahun 1904 lagi dan telah dirasmikan oleh Presiden Russia, Turki dan Palestin pada tahun 2015. Tetamu seterusnya akan dibawa melawat sekitar **Red Square** yang menempatkan bangunan ikon kota ini iaitu **St. Basil's Cathedral** yang sungguh indah binaannya berwarna-warni, di samping makam tokoh Russia **Lenin's Mausoleum** dan juga membeli-belah di **GUM Department Store** yang terkenal dengan pelbagai barangan berjenama sebelum makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

HARI 4
MOSCOW - ST. PETERSBURG

Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan dibawa ke stesen keretapi yang tertua di Moscow iaitu **Leningradsky Railway Station** untuk menaiki keretapi laju **Sapsan** menuju ke kota **St. Petersburg** yang pernah menjadi ibu negara Russia sebelum Moscow. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa melawat tarikan-tarikan yang terdapat di sekitar kota ini seperti **Peter & Paul Fortress** yang pernah menjadi penjara politik dan juga pemakaman Empayar Romanov dibina pada tahun 1703, **St. Isaac's Cathedral & Colonnade** yang cukup mengagumkan dibina pada tahun 1858 dengan berukuh salut emas, monumen **Bronze Horseman & Thunder Stone** yang simbolik kepada legenda Peter The Great dan juga **Church On Spilled Blood** yang sangat unik binaannya di samping berpeluang membeli cenderamata di gerai-gerai sekelilingnya. Bersolat di **St. Petersburg Mosque** yang dibina pada tahun 1910 lagi. Akhirnya tetamu akan dibawa melawat ke muzium yang terbesar di dunia, **Hermitage Museum** yang dahulunya merupakan istana musim sejuk diraja yang kini menyimpan pelbagai artifak bersejarah termasuklah karpet buatan tangan orang Parsi yang berusia 2,500 tahun. Makan malam di restoran sebelum menuju ke hotel.

HARI 5
ST. PETERSBURG - PUSHKIN - HELSINKI

Sarapan pagi di hotel. Kemudian menuju ke **Pushkin** untuk melawat sebuah istana yang cukup indah seni binaan dan rekaan dalamnya yang serba mewah, **Catherine Palace**. Tetamu pasti terpukau melihat keindahan salah satu ruang di sini iaitu Amber Room. Istana ini juga dikelilingi oleh taman bunga yang cukup luas dan foto kenangan di sini amatlah bermakna. Bersolat di **St. Petersburg Mosque** sebelum bergerak menuju ke **St. Petersburg - Finlyandsky Station** untuk menaiki keretapi laju **Allegro** menuju ke kota **Helsinki** di negara Finland. Setibanya di sana, makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 6
HELSINKI - STOCKHOLM

Selepas sarapan pagi di hotel, tetamu akan memulakan lawatan panorama sekitar kota Helsinki ini dan melawat tarikan seperti **Helsinki City Hall** yang dibina pada tahun 1833 mulanya sebagai Hotel Seurahuone, **Presidential Palace** yang menjadi kediaman rasmi presiden Republik Finland, **Tempelivaikio (Rock) Church** yang sungguh unik seakan-akan sebuah dewan konsert, **Sibelius Park** yang menempatkan ukiran tersohor kota ini iaitu **Sibelius Monument** yang dibuat dari 600 batang besi paip, **Finlandia Hall** yang banyak menyaksikan acara-acara penting dijalankan di sini dan juga **Senate Square** yang terletak di kawasan paling tua di bandar ini dengan dikelilingi oleh banyak bangunan bersejarah seperti **Helsinki Cathedral**, **Government Palace** dan **Sederholm House**. Kemudian tetamu akan diberi masa bebas untuk membeli-belah di **Stockmann** dan **Forum Department Store** yang menawarkan pelbagai pilihan barangan kelengkapan dan peribadi. Bersolat di **Helsinki Islam Keskus** sebelum tetamu



SILJA LINE CRUISE

dibawa membeli barangan cenderamata di **Market Square Kauppatori** yang terletak berdekatan **Esplanade Park**. Bertolak menuju ke pelabuhan untuk menaiki kapal persiaran **Silja Line Cruise** menuju ke ibu negara Sweden, **Stockholm**. Makan malam buffet dan bermalam di dalam kapal.

yang menempatkan pelbagai jenis muzium yang amat menarik setiap satunya. Tetamu akan dibawa menyelami budaya kehidupan masyarakat Norway sejak dari kurun ke-13 di **Norsk Folkemuseum** yang dibuka sejak dari tahun 1894 lagi. Kawasan yang dipanggil sebagai open-air museum menempatkan lebih 150 jenis bentuk bangunan yang pernah wujud di seluruh Norway yang dipindah masuk ke muzium ini. Seterusnya tetamu akan dibawa melihat sendiri kapal asli dan kelengkapan lain yang pernah digunakan pada zaman Viking di **Viking Ship Museum**. Hanya model kapal Viking di muzium ini sahaja yang mempunyai struktur lengkap berbanding dengan muzium-muzium lain di seluruh Scandinavia. Tetamu akan diberi masa bebas untuk berfoto di **Bygdoy Peninsula** yang menempatkan monumen 5 orang peneroka benua Artik yang menggunakan kapal bernama Fram dan rumah api unik yang didedikasikan Greenpeace bagi seruan menjaga kebersihan lautan. Bersolat di **Norway Islamic Cultural Centre** sebelum menuju ke pelabuhan untuk menaiki kapal persiaran **DFDS Ferry** menuju ke ibu negara Denmark, **Copenhagen**. Makan malam secara buffet dan bermalam di atas kapal.



HARI 7 STOCKHOLM SP/MM

Sarapan pagi di dalam kapal persiaran. Setibanya di pelabuhan Stockholm, tetamu akan dibawa ke **Drottningholm Castle** untuk mengambil gambar sekitar kawasan istana kediaman diraja Sweden pada musim panas yang dibina pada kurun ke-17 ini. Seterusnya tetamu akan dibawa melewati **Stadhuset (City Hall)** yang popular sebagai lokasi makan malam tetamu kehormat Nobel Prize selepas acara penyerahan anugerah tersebut, **Royal Palace** yang merupakan kediaman rasmi keluarga diraja sejak tahun 1760 lagi dan bangunan di sebelahnya iaitu **Riksdagshuset** yang cukup gah binaannya sebagai tempat parlimen bersidang. Berfoto di bangunan **Nobel Museum** yang menempatkan pelbagai galeri mereka yang pernah dianugerahkan dengan hadiah kehormat ini sebelum masa bebas untuk membeli-belah cenderamata di **Vasterlanggatan** yang terletak di **Old Town Stockholm**. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

HARI 8 STOCKHOLM - OSLO SP/MM

Tetamu akan dibawa ke **Stockholm Central Station** selepas sarapan pagi untuk menaiki keretapi laju **SJ Train** menuju ke ibu kota Norway, **Oslo**. Setibanya di sana, tetamu akan dibawa melawat tarikan-tarikan utama di sini seperti **Oslo Opera House** yang cukup unik binaannya seakan-akan terapung di atas air di mana tetamu juga berpeluang berjalan di atas bumbungnya, **Frogner (Vigeland Sculpture) Park** yang cukup luas amat terkenal dengan monumen-monumen terkenal di sekitarnya seperti **The Monolith**, **Surprised**, **Angry Boy** dan banyak lagi, berfoto di **Akershus Fortress** yang dahulunya ialah kubu pertahanan kota ini, **Nobel Peace Center** yang menyimpan cerita penerima-penerima anugerah Nobel sebelum ini dan akhirnya ke **Oslo Radhus (City Hall)** yang cukup unik dengan menara berkembar setinggi 66m. Tetamu juga boleh mendapatkan cenderamata di sekitar kawasan ini sebelum menuju ke **Norway Islamic Cultural Centre** untuk bersolat. Makan malam di restoran sebelum daftar masuk hotel.

HARI 9 OSLO - BYGDØY - COPENHAGEN SP/MM

Bersarapan pagi di hotel sebelum tetamu dibawa menuju ke **Bygdoy**, sebuah kawasan

HARI 10 COPENHAGEN SP/MM

Sarapan pagi di dalam kapal. Setibanya di Copenhagen, tetamu akan dibawa melawat sekitar kota yang terbesar di benua Scandinavia ini. Antara tarikan utama di sini ialah **Kobenhavns Radhus (City Hall)** yang dibina pada tahun 1905 dengan sebuah menara jam terletak di tengah-tengah **City Hall Square**, berfoto di **Christiansborg Palace** yang merupakan parlimen dan pejabat Perdana Menteri Denmark sejak tahun 1928, **Rosenborg Castle** yang dahulunya merupakan istana rasmi diraja Denmark dibina pada tahun 1624 dan **Little Mermaid Statue** yang cukup terkenal sebagai simbolik kepada mitos kewujudan duyung di sini. Bersolat di **Grand Mosque Copenhagen**. Makan malam di restoran sebelum daftar masuk hotel.

HARI 11 COPENHAGEN - DOHA SP

Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa ke kawasan **Stroget** dan diberi masa bebas untuk membeli-belah di sekitar kawasan ini. Bersolat di **Grand Mosque Copenhagen** sebelum bertolak ke lapangan terbang untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 12 DOHA - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

7 Sep | 19 Okt 2019 **QATAR AIRWAYS** التقطرية

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM13,290	RM4,990	RM12,490	RM1,190	RM 9,990
Warga Emas	RM13,090	RM4,790			
FIESTA	RM12,690	RM4,390	RM11,890	RM10,590	RM 9,390
Warga Emas	RM12,590	RM4,290			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	QR 849	K. LUMPUR - DOHA	2025	2305
02	QR 223	DOHA - MOSCOW	0250	0800
11	QR 164	C'HAGEN - DOHA	2235	0540+1
12	QR 852	DOHA - K. LUMPUR	0850	2150

- Pakej Termasuk**
- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan segala cukai penerbangan.
 - Bagasi 30 kg dan Bagasi Kabin 7kg.
 - Hotel penginapan bertaraf 4* sepanjang lawatan (rujuk senarai hotel ditawarkan).
 - Sarapan pagi di hotel dan makan malam sesuai Muslim sepanjang lawatan.
 - Tiket masuk ke tempat lawatan: Kremlin, Armoury Chamber, Hermitage
 - Museum, Catherine Palace, Norsk Folkemuseum dan Viking Ship Museum.
 - Pengangkutan kapal persiaran Silja Line Cruise dan DFDS Ferry.
 - Pengangkutan keretapi laju Sapsan, Allegro dan SJ Train.
 - Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
 - Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
 - Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
 - Diiringi ketua rombongan yang terlatih profesional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
 - Percuma edisi beg kembara khas (kecuali bayi) Wan Vacation Sdn. Bhd.
 - Urusan Visa ke Rusia

- Pakej Tidak Termasuk**
- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
 - Surcaj tambahan kepada harga yang ditawarkan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah (sekiranya ada dinyatakan di dalam tarikh perlepasan).
 - Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
 - Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
 - Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
 - Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.



VIKING MUSEUM